



PROJEK PEMBINAAN SURAU IBNU SINA HOSPITAL PUTRAJAYA DAN BALAI PELAWAT



Hospital Putrajaya yang menerima kunjungan ribuan pesakit dan pelawat setiap hari dari pelbagai pelusuk negara berhasrat membina Surau Ibnu Sina Hospital Putrajaya dan Balai Pelawat sebagai tempat beribadah yang selesa yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas bagi kegunaan warga kerja dan pelanggan Hospital Putrajaya serta menjadikan ia suatu mercu tanda bagi melambangkan keagungan dan kesucian agama Islam.

Kemudahan beberapa surau kecil sedia ada tidak dapat menampung semua warga, pesakit dan pelawat Hospital Putrajaya untuk menunaikan solat lima waktu lebih-lebih lagi secara berjemaah dan untuk menjalankan program atau aktiviti keagamaan.

Maka terdapat keperluan bagi menyediakan kemudahan surau yang selain daripada menyediakan ruang sembahyang yang selesa, turut menyediakan ruang untuk pelawat, kemudahan bilik mandi dan tandas, bilik perbincangan dan ruang pejabat bagi kegunaan mana-mana orang yang bekerja dan berurusan dengan Hospital Putrajaya.

Cadangan penubuhan Surau Ibnu Sina Hospital Putrajaya dengan prasarana yang lengkap termasuklah kemudahan penginapan sementara untuk keluarga pesakit yang datang dari jauh atau Balai Pelawat adalah sebagai pelengkap kepada keprihatinan pihak Hospital Putrajaya terhadap masyarakat sama ada yang bekerja atau dimasukkan ke hospital mahupun pelawat yang datang menziarah untuk program atau aktiviti keagamaan dan juga kebajikan mereka, selaras dengan konsep Hospital Mesra Ibadah.

Tapak Surau Ibnu Sina yang dicadangkan terletak di atas tanah lot kosong berhadapan Lobi Utama Hospital Putrajaya di atas tapak permainan kanak-kanak sedia ada yang mempunyai keluasan yang terhad iaitu lebih kurang 0.8 ekar. Kedudukannya yang strategik dan terletak di atas kawasan lapang di antara bangunan Hospital Putrajaya dan Institut Kanser Negara. Tapak yang dicadangkan ini juga terletak bersebelahan dengan jalan utama yang akan membolehkan surau tersebut menjadi *focal point* dan mercu tanda bagi Hospital Putrajaya.

Sumber dana yang dikenalpati untuk pembinaan Surau Ibnu Sina Hospital Putrajaya dan balai Pelawat ini adalah melalui tabung kutipan **Pembinaan Surau Ibnu Sina Hospital Putrajaya**, derma orang ramai dengan kebenaran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, wakaf individu dan organisasi serta bantuan peruntukan daripada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, jika diluluskan.

Cadangan membina surau baru ini diharapkan akan dapat dilaksanakan demi membina warga kerja yang seimbang dari segi rohani dan intelek serta mampu memartabatkan agama Islam yang tercinta. Pihak Hospital Putrajaya sangat mengalu-alukan sebarang sumbangan derma sama ada dalam bentuk wang tunai, cek, perbankan internet atau deposit tunai.

KAEDAH PEMBAYARAN

1. Tunai kepada AJK Surau Ibnu Sina, Presint 7, Putrajaya
2. Cek atas nama **Tabung Pembinaan Surau Ibnu Sina Hospital Putrajaya**
3. Perbankan Internet/Deposit Tunai/ATM kepada
Nama Bank: **Bank Islam**
No. Akaun: **16018010027944**

Sebarang pertanyaan boleh terus menghubungi **011-39561807** atau melalui nombor telefon 03-83124200 sambungan **4378** atau **1910**.

SUMBANGAN WAKAF AKHIRAT

Untuk Projek Surau Dan Balai Pelawat Hospital Putrajaya

No. Rujukan JAWI : JAWI.K.400-5/1 JLD 5 (35)



- Jangkaan Kos **RM 3 JUTA**
- Jangkaan siap **1 TAHUN** dari tarikh pembinaan
- Cadangan Tempat Pembinaan adalah **Berhadapan Lobi Utama Hospital Putrajaya**

Sumbangan boleh disalurkan kepada Tabung Pembinaan Surau Ibnu Sina Hospital Putrajaya (No. Akaun Bank Islam Malaysia Berhad 16018010027944).

Resit Pengecualian Cukai boleh disediakan kepada yang berkehendak.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi **011-39561807** atau melalui nombor telefon 03-83124200 sambungan **4378** atau **1910**

BORANG SUMBANGAN DERMA

Nama :

Alamat :

No. Tel. :

Bersama-sama ini disertakan wang tunai/ cek/ wang pos no.

berjumlah RM atas nama Tabung Pembinaan Surau Ibnu Sina

Hospital Putrajaya.

Wakaf RM

Zakat RM

Sumbangan/ Amal Jariah RM

Bahan Binaan (.....)RM

Jumlah RM

Tandatangan :

Tarikh :

TERIMA KASIH

JENIS SUMBANGAN

Sumbangan Derma (v)

(a) Wang Tunai;

(b) Cek;

(c) Perbankan Internet; dan

(d) Deposit Tunai.

KAEDAH PEMBAYARAN

(a) Tunai kepada **AJK Surau Ibnu Sina Hospital Putrajaya**

(b) Cek atas nama **Tabung Pembinaan Surau Ibnu Sina Hospital Putrajaya**

(c) Perbankan Internet/Deposit Tunai/ATM kepada Nama Bank: **Bank Islam**
No. Akaun: **16018010027944**



PROJEK PEMBINAAN SURAU IBNU SINA DAN BALAI PELAWAT HOSPITAL PUTRAJAYA



(No. Rujukan JAWI : JAWI.K.400-5/1 JLD 5 (35))

MUKADIMAH

Pihak Hospital Putrajaya berhasrat menjadikan Surau Ibnu Sina dan Balai Pelawat ini sebagai tempat beribadah yang selesa yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas bagi kegunaan warga kerja dan pelanggan Hospital Putrajaya serta menjadikan ia suatu mercu tanda bagi melambangkan keagungan dan kesucian agama Islam.

OBJEKTIF

- Menyediakan kemudahan menunaikan solat lima (5) waktu secara berjemaah dengan selesa bagi warga Hospital Putrajaya dan orang awam.
- Menyediakan kemudahan mendirikan solat Jumaat (jika dibenarkan) yang berdekatan untuk warga Hospital Putrajaya dan Institut Kanser Negara termasuk pesakit dan orang awam.
- Menyediakan kemudahan untuk menjalankan program atau aktiviti keagamaan untuk semua warga Hospital Putrajaya termasuklah kursus atau kelas fardu ain dan ceramah agama.
- Untuk menyediakan kemudahan penginapan sementara bagi keluarga pesakit yang datang dari jauh seperti Sabah dan Sarawak yang dirujuk untuk penjagaan tertiar di Hospital Putrajaya.



LOKASI



INFO RINGKAS

Nama: **SURAU IBNU SINA DAN BALAI PELAWAT HOSPITAL PUTRAJAYA**

Penaung Projek: Datuk Dr. Nora'i binti Mohd Said

Pengerusi: Dr. Mohd Anis bin Haron @ Harun

Keluasan Tanah: 12,000 kaki persegi

Anggaran Kos Pembinaan: RM 3 Juta

Anggaran Keluasan: 8,020 kaki persegi

Kapasiti Jemaah : 500

Kemudahan Lain: Tandas, Tempat Wuduk, Pejabat, Bilik Mesyuarat, Pantri, Bilik Mandi dan Stor

Jangkaan Siap: Tahun 2019

